

BULETIN KKTMSRI GADING

IVORY

Edisi Mac - April 2023 | Bil. 2/2023

Ulangtahun MARA

Ke-**57** tahun

1 MAC 2023 | 1966 - 2023



Jawatankuasa Penerbitan

KKTM Sri Gading

PENGERUSI

NOR AIN BINTI ABAS

SETIAUSAHA

NORAZLINA BINTI MOHAMED

AHLI

TS. AIDATUL SALWANI BINTI JAMALUDDIN
AZIMA BINTI SAPUAN
NORSYAHIDAN BIN NORSALBI
NOR FAZWEEN BINTI AHMAD RUSLY
SUHAYA BINTI SUKEMI
SITI NAZIRAH BINTI ABDUL RAHMAN
MADIHAH BINTI YAHAYA
TS. ZAHTULIFFA BINTI TUSIMIN
NORLIEZULAINA BINTI SHAFAAT

EDITOR EDISI 2/2023

NOR AIN BINTI ABAS

TS. ZAHTULIFFA BINTI TUSIMIN

MAC



Encik Muhammad Sadiq bin Suhaimi
Akademik



Encik Mohd Iszatul bin Salleh
Pentadbiran

APRIL



Encik Norazri bin Mohd Zaidin
Akademik



Puan Nor Fazween binti Ahmad Rusly
Pentadbiran

ANUGERAH PEKERJA TERBAIK BULANAN

Sekalung tahniah kepada penerima Anugerah Pekerja Terbaik KKT M Sri Gading bagi bulan Mac dan April 2023.

Semoga terus berlitzam dan menjadi inspirasi kepada seluruh warga kerja KKT M Sri Gading.



LAWATAN DAN PERBINCANGAN PROGRAM DTE BERSAMA MALAYSIA GREEN BUILDING COUNCIL (MGBC)



Bertarikh 1 Mac 2023, Program Diploma Teknologi Kejuruteraan Pembinaan (Bangunan Hijau) telah mengadakan satu lawatan ke Malaysia Green Building Council (MGBC) bertempat di pejabat MGBC, Mid Valley Kuala Lumpur bagi membincangkan usaha sama di dalam pengajuran seminar, webinar dan promosi KKTM Sri Gading.

Melalui perbincangan ini, perlaksanaan seminar berlandaskan amalan semasa industri hijau dapat dilaksanakan di institusi. Bagi para pensyarah pula, mereka dapat mempertingkatkan lagi ilmu dan kepakaran teknologi hijau dari masa ke semasa.

Melalui pendedahan teknologi hijau, masyarakat akan diberi kesedaran tentang budaya dan amalan gaya hidup hijau dalam kehidupan seharian. Diharapkan program ini bakal menjadi pemangkin bagi membantu pengurangan karbon emisi dengan lebih cepat sejajar dengan matlamat negara iaitu "Karbon Sifar" pada tahun 2050.



LAWATAN KERJA STAF JABATAN DTV KE BIMOLOGIE

Lawatan kerja ini merupakan salah satu inisiatif pihak Program DTV bagi memperolehi maklumat berkaitan keperluan-keperluan pihak industri (Bimologie) dengan KKTMB Sri Gading. Lawatan ini telah disertai oleh 10 orang pensyarah dari Program DTV.

Tujuan lawatan ini diadakan adalah untuk merancang kolaborasi bersama syarikat Bimologie untuk dua (2) program iaitu Program Sangkutan Industri Pensyarah (LSI) dan Program Latihan Industri (Pelajar). Matlamat kedua adalah membuat perkongsian proses kerja BIM oleh syarikat khususnya dari segi teknologi dan perisian. Akhir sekali ialah bagi mengadakan peluang kerjasama dan perundingan untuk kursus Final Year Project (FYP) dengan mempelawa syarikat menjadi Co-Supervisor bagi kursus tersebut.

Pihak Program DTV juga telah membentangkan latar belakang kolej serta maklumat program-program lain yang terdapat di KKTMSG. Maklumat yang dibentangkan merangkumi objektif, visi dan misi kolej yang berkaitan dengan kemahiran khususnya TVET.

Pihak industri amat berterima kasih dan turut memberi pujian kepada pihak KKTMB Sri Gading kerana telah menghasilkan produk (pelajar) yang berkualiti berdasarkan pengalaman pembelajaran sepanjang 3 tahun berada di KKTMB Sri Gading khususnya pelajar program DTV. Perkara ini turut diakui sendiri oleh pemilik syarikat Bimologie iaitu Encik Azizul Hakim dan Encik Afif Fathullah dimana syarikat telah menyerap masuk 6 orang pelajar dari KKTMB Sri Gading untuk terus bekerja selepas mereka selesai menjalani latihan industri di syarikat tersebut.



LAWATAN PENANDA ARAS KE PUSAT PENDIDIKAN DIPLOMA UTHM PAGOH



Delegasi KKT Sri Gading yang diketuai oleh TPHEA, Encik Khairul Anuar bin Mohd Jais beserta Ketua Program dan Ketua Jabatan telah mengadakan lawatan penanda aras ke Pusat Pendidikan Diploma UTHM, Pagoh pada 1 Mac 2023.

Program ini dijalankan bertujuan untuk mencari peluang kerjasama di antara KKT Sri Gading dengan Pusat Pendidikan Diploma UTHM. Selain itu, lawatan ini juga bertujuan untuk melihat pelaksanaan projek tahun akhir pelajar dan membuat lawatan bengkel dan makmal di UTHM Pagoh untuk tujuan penambahbaikan di KKT Sri Gading.



CSR

PEMBAIKAN KABEL BAWAH TANAH

Program CSR kabel elektrik bawah tanah ini merupakan kerjasama daripada Institut Kemahiran MARA Johor Bahru (IKMJB) bersama dengan pelajar dari kursus DCV10182 (Fundamental Mechanical & Electrical) Semester 1, KKTMS Sri Gading. Program ini berlangsung selama dua hari bermula 1 hingga 2 Mac 2023. Perkongsian ilmu berkenaan kabel elektrik bawah tanah ini telah disampaikan oleh pensyarah dari IKMJB iaitu En. Norazhar bin Anuar dan En. Azlihan bin Abd Aziz.

Objektif program ini dilaksanakan adalah bagi memberi peluang kepada pelajar Semester 1 untuk mendalami dan memahami cara pemasangan kabel elektrik bawah tanah yang mana ianya juga terkandung dalam silibus kursus Fundamental Mechanical & Electrical.

Dengan pelaksanaan program seperti ini, iainya berjaya menguatkan lagi ukhwah antara IKMJB dan KKTMSG.





Kursus Green Building Assessment

Program Bangunan Hijau (DTE) telah menganjurkan beberapa siri kursus Green Building Assessment untuk pelajar Kolej Vokasional yang diadakan pada bulan Mac 2023.

Siri pertama kursus ini telah diadakan pada 13 Mac 2023 bersama Kolej Vokasional Port Dickson, Negeri Sembilan dengan penglibatan 23 orang peserta yang terdiri daripada pelajar semester 2 dan semester 6 orang guru pengiring. Kursus ini telah disampaikan oleh Ts. Mohd Mawardi bin Hussain dan Ts. Khairol bin Kamaruddin yang merupakan pensyarah Jabatan DTE.

Siri seterusnya telah diadakan pada 20 Mac 2023 bersama Kolej Vokasional Ampangan, Negeri Sembilan dengan penglibatan 23 orang pelajar. Kursus ini disampaikan oleh Ts. Mohd Mawardi bin Hussain.

Siri terakhir telah diadakan pada 29 Mac 2023 bersama 25 pelajar dari Kolej Vokasional Batu Pahat yang turut disampaikan oleh Ts. Mohd Mawardi bin Hussain.



“ Peserta juga telah diperkenalkan kepada MS 1525 iaitu standard yang menjadi rujukan berkaitan dengan penilaian bangunan hijau ”

Tujuan kursus ini diadakan adalah bagi memberikan pendedahan serta melatih peserta dalam membuat penilaian dan pengiraan Indeks Bangunan Hijau (GBI).

Di dalam kursus ini juga, peserta telah diberikan contoh-contoh pengiraan serta *rating* hasil daripada pengiraan samada platinum, emas, perak atau hanya *rating* pensijilan hijau sahaja.

Peserta juga telah diperkenalkan kepada MS 1525 iaitu standard yang menjadi rujukan berkaitan dengan penilaian bangunan hijau.

Diharapkan kursus seperti ini dapat dilaksanakan lagi kepada peserta lain bagi memberi pendedahan kepada penilaian bangunan hijau dan seterusnya dapat dimanfaatkan oleh peserta pada masa akan datang.

KURSUS TROUBLESHOOTING PENDAWAIAN ELEKTRIK 1 FASA



Kursus Troubleshooting Pendawaian Elektrik 1 Fasa di KKTm Sri Gading untuk sesi Januari – Jun 2023 telah diadakan pada 22 Mac 2023 (Rabu) pada jam 9.00 pagi hingga jam 12.45 tengahari bertempat di bilik kuliah Makmal Building Services, Blok B, Bangunan Bengkel KKTm Sri Gading.

Seramai 2 orang peserta yang terlibat sepanjang kursus ini dijalankan. Penceramah yang terlibat dalam kursus kali ini adalah Encik Muhammad Sadiq Bin Suhaimi dan Tuan Haji Ahmad Fauzi Bin Ahmad dari Jabatan Perkhidmatan Bangunan dan Penyelenggaraan (DTM) Kolej Kemahiran Tinggi MARA Sri Gading.



Objektif kursus ini adalah memberi pendedahan kepada jenis-jenis kerosakan yang biasa berlaku dalam sistem pendawaian elektrik selain memberi maklumat pengenalan bagi mengenalpasti setiap jenis kerosakan, punca kepada setiap jenis kerosakan yang biasa berlaku dan juga langkah-langkah keselamatan untuk mengesan setiap kerosakan yang berlaku.

Selain itu, dalam kursus ini juga diberikan tips-tips penyelesaian bagi setiap jenis kerosakan. Kandungan lain adalah untuk memberi nilai tambah kepada setiap individu berkenaan kefahaman dan kemahiran mengendali sistem elektrik pemasangan domestik selain menjalin hubungan silaturrahim bersama masyarakat setempat.



ANJURAN KELAB KEMBARA KKTMSG



PROGRAM KITAR SEMULA



Kelab Kembara KKTMS Sri Gading telah menjalankan aktiviti Program Kitar Semula pada 14 April 2023. Program ini disertai oleh pelajar Kelab Kembara serta penyelaras kelab.

Program ini dilaksanakan bertujuan untuk mengubah sisa untuk menjadi sumber-sumber yang bernilai. Selain itu, ia juga boleh mengurangkan penggunaan bahan-bahan semulajadi, menjana sumber kewangan dan memberi faedah sosial.

PROGRAM SEPUTAR RODA, SEJUTA KASIH



Program "Seputar Roda, Sejuta Kasih" adalah satu program anjuran Jabatan Pengajian AM bagi membantu memberikan kerusi roda kepada pusat-pusat kesihatan yang memerlukan. Pembelian kerusi roda ini adalah hasil dari kutipan derma daripada warga kerja KKTm Sri Gading. Program ini bertujuan membeli kerusi roda untuk kegunaan Klinik Kesihatan di sekitar Batu Pahat, Pontian serta Parit Yaani.

Satu majlis penyerahan kerusi roda telah dijalankan pada 11 April 2023 dengan dirasmikan oleh Pengarah KKTm Sri Gading, Tuan Haji Azman bin Ali.

Program penyerahan kerusi roda ini turut disertai En. Shah Zulmizan bin Safar (TPKPHP), En. Khairul Anuar bin Mohd Jais (TPHEA), Ketua Jabatan Pengajian AM dan Staf Pengajian AM.

Tujuan program ini dijalankan adalah bagi membantu pusat kesihatan yang memerlukan kerusi roda untuk digunakan oleh orang awam khususnya pesakit di kalangan warga emas, kanak-kanak dan wanita mengandung.

Sebanyak 16 buah kerusi roda telah berjaya diserahkan kepada beberapa klinik kesihatan iaitu KK Batu Pahat (5 buah), KK Parit Raja (3 buah), KK Sri Gading (2 buah), KK Parit Yaani (2 buah), KK Kayu Ara Pasong (2 buah) dan KK Ayer Baloi (2 buah).

SEPUTAR RODA, SEJUTA KASIH





Misi Bantuan Banjir di Taman Universiti dan Sekitar Batu Pahat Mac 2023

Misi Bantuan Banjir di Daerah Batu Pahat

Anjuran Unit MERT KKTM Sri Gading bersama Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM)



BIL	KAWASAN TERLIBAT	JUMLAH KEPERLUAN	STOKAWAN	USIRAN SIRI	ZAMAN RAMPING DEWAN		JUMLAH
					L	P	
1	PARIT BARIS	1	1	4	1	1	
2	PARIT LINTANG	1	1	1	2	1	3
3	PARIT YAMI(HAM)	1	1	1		2	4
4	PARIT TENGAH	1	1	1			2
JUMLAH		4	4	7	1	3	3



TARIKH: 7 Mac 2023 (Selasa)

MASA: 8:00 pagi – 5:00 petang

TEMPAT: Felcra Sri Wangi, Batu Pahat, Johor.

DELEGASI KKTM SRI GADING:

1. Tn Haji Azman bin Ali (Pengarah)
2. En. Abd Halimnizam bin Hj. Abdullah
3. En. Mohd Shahrul Azwan bin Ramli (Pensyarah DTE)
4. Hj. Ahmad Fauzi bin Ahmad (Pensyarah DTM)

Selaras dengan visi membina dan memimpin tamadun khayra ummah, sukarelawan Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) dengan kerjasama unit MARA Emergency Response Teams (MERT) KKTM Sri Gading serta bersama Kesatuan Pelajar Islam Johor telah mengadakan program misi bantuan banjir ke Felcra Sri Wangi, Batu Pahat, Johor pada 7 Mac 2023.

Seramai 4 orang staf KKTM Sri Gading, diketuai oleh Pengarah KKTM Sri Gading, Tuan Hj. Azman bin Ali turut hadir bagi memberi sumbangan kepada mangsa-mangsa banjir. Antara sumbangan yang telah diserahkan adalah barang keperluan asas seperti tuala, selimut, sabun mandi, ubat gigi dan berus gigi. Diharapkan dengan bantuan ini sedikit sebanyak dapat memberi meringankan beban kepada mangsa banjir yang terlibat.

PROGRAM OUTREACH KKTM SRI GADING PASCA BANJIR BATU PAHAT 2023



TARIKH: 15 Mac 2023 (Rabu)

MASA: 8:00 pagi – 5:00 petang


TEMPAT: Taman Universiti, Parit Raja, Johor



Buat pertama kali dalam sejarah, Taman Universiti, Parit Raja iaitu kawasan kajiranan KKTM Sri Gading telah dilanda banjir pada awal Mac 2023. Mara Emergency Response Teams (MERT) KKTM Sri Gading dengan kerjasama Pertubuhan Prihatin Malaysia (WeCare) telah mengambil inisiatif untuk melaksanakan CSR pada 15 Mac 2023 setelah air mulai surut bagi melaksanakan kerja-kerja pembersihan pasca banjir.

Pihak WeCare telah berbesar hati menghulurkan bantuan dari segi tenaga dan peralatan seperti “water jet”, penyapu air serta alatan cucian lain bagi memudahkan kerja pembersihan. Pembahagian tugas juga telah dipecahkan kepada beberapa kumpulan untuk melancarkan kerja CSR.

Dengan adanya program sebegini, ia dapat mewujudkan semangat silaturrahim antara wargakerja dan penduduk Taman Universiti disamping memberikan pengalaman baru atas bantuan tersebut.



MINGGU APRESIASI KECEMERLANGAN SISWA



Minggu Aspirasi Kecemerlangan Siswa (MAKS) 2023 telah dilaksanakan pada minggu ke-11 mengikut Kalender Akademik sesi Januari – Jun 2023.

Pelbagai program dan aktiviti yang menarik telah disusun dan dijadualkan kepada semua pelajar dibawah seliaan pihak MPP dan dibantu oleh pensyarah-pensyarah terlibat untuk menjayakannya. Ia melibatkan pengisian dari sudut fizikal dan mental para pelajar agar mereka sentiasa cerdas, cergas dan proaktif semasa menuntut ilmu. Oleh itu, pelajar tidak hanya berada dalam ruangan tertutup dan berbunga sahaja untuk beraktiviti, tetapi mereka juga perlu ke padang untuk beraksi. Hal ini dapat memberi peluang kepada para pelajar untuk menonjolkan minat dan bakat yang terpendam.

Disamping itu, pihak KKTm Sri Gading juga turut menjemput agensi-agensi luar untuk berkongsi ilmu bersama pelajar-pelajar di KKTm Sri Gading.

Bagi menambahkan lagi kemeriah dan kehangatan MAKS 2023, pihak Unit Keusahawanan turut mengambil bahagian untuk mengadakan Karnival Keusahawanan Gempak di perkarian parkir kereta pensyarah berdekatan Dewan Darul Takzim. Oleh itu, para pelajar semester 4 dan 5 dapat menonjolkan nilai-nilai yang berkaitan keusahawanan yang telah dipelajari dalam kursus keusahawanan.

Semasa dalam minggu tersebut, para pelajar juga disajikan dengan program-program yang melibatkan pengisian rohani. Satu program Qiyamullail Perdana telah dilaksanakan pada Khamis, 16 Mac 2023 pada jam 4 pagi.

MAKS 2023 melabuhkan tirainya pada Khamis, 16 Mac 2023 dengan jayanya. Tahniah kepada semua pelajar dan pensyarah yang terlibat secara langsung dan tidak langsung kerana anda semua HEBAT!

BENGKEL VERIFIKASI SOALAN PEPERIKSAAN AKHIR SESI JAN - JUN 2023

Jawatankuasa Sekretariat Verifikasi Item telah melaksanakan Bengkel Verifikasi Soalan Peperiksaan Akhir sesi Januari - Jun 2023 selama dua (2) hari iaitu pada 20 hingga 21 Mac 2023.

Bengkel ini melibatkan semua penyelaras kursus serta beberapa panel luaran yang melibatkan pakar akademik yang telah dilantik untuk menilai serta menyemak struktur soalan yang sudah dibangunkan oleh para pensyarah.

Panel tersebut terdiri daripada pensyarah kanan UTHM iaitu Dr. Nur'ain binti Idris, Dr. Khairi bin Supar, Ts. Dr. Aslila binti Abd Kadir, Ts. Dr. Norhayati binti Ngadiman, Dr Azuan bin Zakaria and Dr. Hanifi bin Othman.



A banner for the 'BENGKEL PENULISAN BULETIN, RENCANA DAN ARTIKEL'. It includes the date '19 Mac 2023 (Ahad)', time '9.00 pagi - 12.00 tengahari', platform 'Microsoft Teams', and a link 'https://bit.ly/3Lracjm'. It also lists the moderator 'Ustaz Ruzain Syukur bin Mansor' and the organiser 'Jawatankuasa Rakan Media dan Medsoc KKTMM Sri Gading'. The background shows hands writing and a laptop.



BENGKEL PENULISAN BULETIN, RENCANA DAN ARTIKEL

Bengkel penulisan buletin, rencana dan artikel ini telah diadakan pada 19 Mac 2023 secara dalam talian melalui platform Microsoft Teams bermula pada pukul 9 pagi hingga 12 tengahari dengan penyertaan lima belas (15) pelajar KKTMM Sri Gading.

Tujuan bengkel ini diadakan adalah bagi memberi bimbingan kepada pelajar KKTMM Sri Gading kaedah penulisan buletin, rencana dan artikel dari penulis yang berbakat serta menonjolkan bakat atau minat menulis di kalangan pelajar KKTMM Sri Gading.

Bengkel anjuran Jawatankuasa Rakan Media dan Medsoc KKTMM Sri Gading ini telah disampaikan oleh Ustaz Ruzain Syukur bin Mansor, yang merupakan Penolong Pengarah, Bahagian Pendidikan Islam, Kementerian Pendidikan Malaysia. Beliau juga merupakan seorang penulis yang bergiat aktif dalam bidang penulisan dan banyak menghasilkan buku serta karya-karya di majalah.

Diharap bengkel ini dapat memberi manfaat kepada para pelajar dan mencapai objektif utama bengkel.



MAJLIS KONVOKESYEN PERDANA IPMA 2023

Majlis Amanah Rakyat (MARA) dibawah naungan Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah telah melaksanakan Majlis Konvokesyen Perdana IPMA pada 6 hingga 10 Mac 2023 yang lepas. Majlis tersebut dikelolakan oleh Bahagian Kemahiran dan Teknikal (BKT) MARA dan Bahagian Pendidikan Tinggi (BPT) MARA dan berlangsung di World Trade Centre Kuala Lumpur.

Para graduan dari KKTm Sri Gading, telah menerima anugerah Diploma mereka pada 8 Mac 2023. Seramai 580 orang pelajar daripada KKTm Sri Gading telah berjaya menamatkan pelajaran mereka mengikut sesi masing-masing untuk mendapatkan Diploma Teknologi Kejuruteraan Pembinaan. Daripada jumlah tersebut, seramai 455 orang pelajar telah menghadiri majlis konvokesyen yang telah diadakan itu.

Selain itu, majlis tersebut turut dihadiri oleh Tuan Pengarah, Haji Azman bin Ali dan wakil-wakil pensyarah dari KKTm Sri Gading.

Sekalung tahniah diucapkan kepada para graduan yang telah berjaya menamatkan pelajaran di KKTm Sri Gading. Semoga kalian sentiasa sukses dalam apa juar bidang yang kalian ceburi.



BENGKEL KERJAYA

Anjuran Jawatankuasa Pengurusan Korporat & Komunikasi KKTm Sri Gading Bersama Pejabat Pendidikan Daerah Batu Pahat

Bersama Institut Pendidikan MARA (IPMA) Daerah Batu Pahat bersama Guru Bimbingan dan Kaunseling Daerah Batu Pahat

Bengkel kerjaya antara Institut Pendidikan MARA (IPMA) Daerah Batu Pahat bersama Guru Bimbingan dan Kaunseling Daerah Batu Pahat telah diadakan di KKTm Sri Gading pada 9 April 2023. Program ini telah disertai oleh 32 orang Kaunselor dan wakil GiatMARA Daerah Batu Pahat.

Tujuan program ini dilaksanakan adalah bagi mempromosikan program yang ditawarkan di KKTm Sri Gading, memberi kefahaman dan keistimewaan belajar di KKTm Sri Gading serta merancang strategi untuk meningkatkan kemasukan pelajar sekolah menengah dalam daerah Batu Pahat ke KKTm Sri Gading.

Semoga dengan kerjasama ini, segala perancangan dapat dilaksanakan dengan baik seperti yang dirancang.





*Selamat
Menyambut*
RAMADHAN
Al- Mubarak
1444 H

**Ikhlas Daripada:
Warga KKT.M Sri Gading**

"Siapa yang berpuasa Ramadhan dengan penuh keimanan dan harapan akan redha-Nya. Allah akan mengampuni dosa-dosa yang telah lampau."

(HR Bukhari dan Muslim)

MARA PRIHATIN

SANTUNI KASIH SIRI KE - 3

OLEH KEMAHIRAN MARA TINGGI SRI GADING

MARA PRIHATIN
SANTUNI KASIH
SIRI KE 3

12 APRIL 2023 (RABU) **9:00 AM - 3:00 PM**
21 RAMADAN 1444H

SEKITAR KAWASAN PARIT RAJA

JPKK & PKK amat berbesar hati sekiranya setiap staf dapat memberikan sumbangan wang minima RM10.00 atau lebih serta lain-lain keperluan seperti barang dapur untuk diserahkan kepada asnaf dari Kawasan DUN Parit Raja.

INISIATIF BERSAMA

**JAWATANKUASA PENGURUSAN KORPORAT & KOMUNIKASI
PERTUBUHAN KEBAJIKAN KAKITANGAN
KKTMSG SRI GADING**

Riwayat Al-Tirmizi (807)

Sesiapa yang memberi makan kepada orang yang berpuasa dia akan mendapat pahala yang sama dengan orang yang berpuasa dalam keadaan pahala orang tersebut tidak berkurangan sedikit pun. orang yang berpuasa dalam keadaan pahala orang tersebut tidak berkurangan sedikit pun.

KKTMSG Sri Gading telah menganjurkan Program MARA Prihatin Santuni Kasih Siri Ke-3 sebanyak dua kali pada bulan Ramadan kali ini. Program ini merupakan program yang berjaya memberi impak dalam kerohanian kita dengan bersedekah pada bulan Ramadan. Program yang berlangsung pada 12 dan 16 April 2023 ini merupakan kolaborasi di antara Jawatankuasa Pengurusan Korporat dan Komunikasi (JPKK) dan Pertubuhan Kebajikan Kakitangan KKTMSG (PKK) yang bertanggungjawab dalam pengumpulan wang yang telah disumbang serta membeli barang keperluan untuk di serahkan kepada golongan asnaf sekitar Parit Raja.

YB Nor Rashidah Binti Ramli iaitu merupakan ADUN Parit Raja telah turut hadir serta menyantuni para asnaf sekitar Parit Raja pada 12 April 2023. Manakala pada 16 April 2023, YB Tuan Haji Aminolhuda bin Hassan iaitu Ahli Parlimen Sri Gading telah dijemput dalam program ini untuk memberi sedikit sumbangan kepada para asnaf sekitar kawasan parlimen Sri Gading.

Objektif utama program ini adalah bagi menyantuni golongan asnaf sekaligus mendidik hati kita untuk sentiasa bersyukur dengan setiap yang kita perolehi. Program ini juga telah berjaya menghubungkan silaturrahim sesama Islam sekaligus dapat membantu mereka yang memerlukan untuk menyambut kedatangan Hari Raya Aidilfitri yang bakal menjelang tiba.



MARA PRIHATIN

SANTUNI KASIH SIRI KE - 3

MARAPRIHATIN
SANTUNI KASIH
SIRI KE 3

**16 APRIL 2023 | AHAD
25 RAMADAN 1444H**

9:00 AM - 3:00 PM

**SEKITAR KAWASAN
PARLIMEN SRI GADING**

BERSAMA
YB TUAN HAJI AMINOLHUDA BIN HASSAN
AHLI PARLIMEN (SRI GADING), JOHOR

INISIATIF BERSAMA
**KKTM SRI GADING,
PUSAT KHIDMAT WAKIL RAKYAT PARLIMEN SRI GADING**



Antara pihak dan wakil yang terlibat semasa sumbangan dilaksanakan bersama YB Tuan Haji Aminolhuda Bin Hassan.

Program Pemantapan Kerohanian (Qiamullail)

Ramadan adalah amat istimewa kerana memiliki pelbagai kelebihan berbanding bulan-bulan lain. Antara amalan yang disunatkan adalah memperbanyak bacaan Al-Quran, solat sunat tarawih dan qiamullail pada waktu malam.

Istiqamah untuk meneruskan semangat ibadah di sepertiga malam pada Ramadan lalu, Sekretariat Kerohanian telah mengambil pendekatan dengan melaksanakan Program Pemantapan (Qiamulail) dan munajat dikalangan pelajar KKTm Sri Gading.

Program ini bertujuan untuk meningkatkan kesedaran dan penghayatan pelajar terhadap ibadah puasa dan membudayakan amalan berqiamullail dalam kehidupan seorang muslim di semua peringkat sama ada individu, keluarga, masyarakat mahupun pemimpin.



Majlis Khatam Al-Quran Peringkat KKTm Sri Gading

Sekretariat Kerohanian KKTm Sri Gading telah menganjurkan Majlis Khatam Al-Quran di Surau An-Nur pada 13 April 2023. Semua pelajar dan juga warga kerja KKTm Sri Gading telah hadir dalam program kerohanian ini. Program ini dimulai dengan alunan bacaan zikir yang diketuai oleh Ts. Mohamad Wazir Shafix Bin Osman serta solat sunat dhuha dan hajat.

Sekretariat Kerohanian juga telah menjemput al-fadhil Ustaz Yusmail bin Yusoff untuk memberi ceramah yang bertajuk "Badr al-Kubro". Majlis Khatam Al-Quran dimulai sejurus tamatnya ceramah. Bacaan ayat-ayat suci Al-Quran telah diketuai oleh Tuan Pengarah, Tuan Haji Azman bin Ali dan turut disempurnakan oleh para pensyarah. Semoga majlis ilmu ini dapat diteruskan pada masa akan datang bagi meningkatkan lagi amalan dan pahala terutama di bulan Ramadan.



PROJEK INFaq RAMADAN



The banner features the logo of Kolej Kemahiran Tinggi Mara Sri Gading (KKTM Sri Gading) at the top left and right corners. The main title "Projek Infaq Ramadhan" is displayed prominently in green and white, with "KELOLAAN : SEKRETARIAT KEROHANIAN" below it. Below the title are three buttons: "Dulang Iftar Rahmah", "Jom Kongsi Rezeki", and "Sumbangan Aidilfitri". A red banner across the middle states "Jumlah Sumbangan RM 7777.00". Below this, a quote from HR Al-Baihaqi is shown: "Dari Anas RA dia berkata, bawanya Rasulullah SAW pernah ditanya apakah sedekah yang paling utama? Baginda pun menjawab, 'Sedekah yang paling utama adalah sedekah pada bulan Ramadhan.'" (HR Al-Baihaqi).



The right side of the banner has a red background. It features the KKTM Sri Gading logo at the top right. The title "Projek Infaq Ramadhan Dulang Iftar Rahmah" is written in a stylized font. Below the title, a quote in English says "Penajaan juadah berbuka puasa untuk Penggerak Badar An-Nur dan pelajar terpilih". On the right, there is a photograph of a traditional Malaysian meal (Nasi Lemak) served on a banana leaf. At the bottom right, the names "NAIMUDDIN UST NORAZRI AIDATUL NORFADLINA" are listed.


Sempena Ramadan tahun ini, Sekretariat Kerohanian KKTMSG telah menganjurkan Program Infaq Ramadan 1444H dengan mendapat kutipan jumlah sumbangan sebanyak RM7,777.00. Sumbangan daripada warga kerja dan juga pelajar KKTMS Sri Gading ini telah dimanfaatkan sepenuhnya dalam beberapa program seperti Dulang Iftar Rahmah, Jom Kongsi Rezeki dan Sumbangan Aidilfitri.

Ucapan ribuan terima kasih buat semua yang telah memberi infaq dan juga sumbangan dalam Projek Infaq Ramadan ini. Tidak dilupakan juga kepada Ahli Jawatankuasa Badan Rohani dan Dakwah (BADAR) KKTMS Sri Gading yang telah banyak membantu dalam menjayakan program lhya Ramadhan kali ini.

Semoga amalan dalam bulan Ramadhan ini diberkati dan diterima oleh Allah SWT serta dikurniakan ganjaran yang tinggi dariNya.



Semanis Ukhwah Ramadan



Program Semanis Ukhwah Ramadan ini telah diadakan pada 17 April 2023 (Isnin) bertempat di Foyer DTG bermula pada pukul 10 pagi. Program ini juga dianjurkan dengan kerjasama antara HELWA KKTMSG dan Pertubuhan Kebajikan Kakitangan (PKK) KKTMSG.

Tujuan program diadakan adalah bagi menyediakan juadah berbuka iaitu bubur cha-cha kepada warga KKTMSG disamping bagi mengeratkan lagi ukhwah di antara wargakerja sempena bulan Ramadan ini.



MALAYSIA TECHNOLOGY EXPO (MTE) 2023

Success Story



Setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah kepada wakil KKT M Sri Gading dalam Malaysia Technology Expo (MTE) 2023 diatas kejayaan memperoleh Silver Medal dan Bronze Medal bagi kategori Youth Innovation Award.

ULTRA PLATFORM LADDER

Ultra Platform Ladder adalah salah satu produk KKT yang telah memenangi anugerah Silver Medal dalam Malaysia Technology Expo (MTE 2023). Produk ini telah dihasilkan oleh pelajar dengan bantuan seorang pensyarah dari Program DTF.

Mereka terdiri daripada Nik Muhammad Razin Na'im bin Zakaria, Muhammad Darwish bin Osman, Nurul Nazirah binti Mayudi dan Ts. Mohtar bin Shaari. Alat ini mempunyai pelantar boleh laras serta ruang untuk mengisi peralatan tangan dimana ianya dapat menjimatkan masa bekerja serta keselamatan pekerja lebih terjamin.



E-FIRE FIGHTING MAINTENANCE CARE

"E-fire Fighting Maintenance Care" telah memenangi anugerah Bronze Medal dalam Malaysia Technology Expo (MTE 2023) yang dibangunkan oleh satu kumpulan pensyarah serta pelajar Program DTM.

Mereka terdiri daripada Amirul Syafiq bin Rusli, YM Tengku Irni Nazlia binti Tengku Ibrahim, Puan Norfadlina binti Md Khir, Puan Siti Yuzlina binti Abdul Mutalib dan Puan Pazlina binti Mohd Raba'i.

Matlamat sistem ini adalah untuk menggalakkan transformasi digital dengan mewujudkan sistem pemberitahuan dan penyimpanan rekod dalam talian bagi kerja-kerja penyelenggaraan memadam kebakaran di bangunan.

Sistem ini direka khas untuk penyelenggaraan pencegahan penggera kebakaran, alat pemadam api dan kekili hos di Blok Akademik Kolej Kemahiran Tinggi MARA Sri Gading. Di dalam sistem ini, e-mel akan ditetapkan kepada juruteknik bagi mengingatkan untuk melakukan pemeriksaan rutin.

ABDULLAH MARKAH ENTERPRISE AM AWNING EXPERT



PERGOLA AWNING ACP

"AM Awning Expert mengutamakan kepuasan anda tanggungjawab kami disamping memastikan anda sekeluarga sentiasa dalam keadaan selesa dalam menghadapi musim HUJAN dan PANAS."



Abdullah Markah Enterprise merupakan syarikat yang diusahakan oleh bekas pelajar KKT M Sri Gading iaitu Saudara Hanif bin Abdullah dari Program DTC.

Syarikat yang berpangkalan di Batu Pahat ini menawarkan perkhidmatan pemasangan "awning" dan menawarkan banyak pilihan dari segi reka bentuk kerawang dan bunga pergola serta pelbagai pilihan warna ACP, polycarbonate dan kerangka besi.

Maklumat lanjut berkenaan produk yang ditawarkan syarikat ini boleh dirujuk melalui pautan media sosial dan alamat syarikat yang disertakan di bawah.

ABDULLAH MARKAH ENTERPRISE



No. 6 & 6A,
Jalan Kencana 1A/22,
Taman Pura Kencana, Sri Gading,
83300, Batu Pahat, Johor
07 - 4530836

AM AWNING EXPERT

AM AWNING EXPERT

DESIGN KERAWANG



RAFLESEA



IRIS



ASOKA



PERGOLA



ALAMANDA



AMARIUS

OUTCOME BASED EDUCATION (OBE)

DIFFERENT LEVELS OF LEARNING OUTCOME

04

Programme Educational Objectives (PEO) - Few years after Graduation – 4 to 5 years

Perlaksanaan pendidikan berdasarkan hasil (OBE) mewajibkan setiap program akademik perlu mempunyai Objektif Pendidikan Program (Programme Educational Objectives) atau PEO.

PEO yang disemak semula juga perlu dihubungkaitkan dengan visi dan misi KKTM SRI GADING umumnya.

03

Programme Outcomes (PO) - Upon graduation

Setelah PEO disediakan, hasil pembelajaran program (Programme Outcomes) atau PO perlu disemak semula dengan menghubungkaitkannya dengan PEO.

PO mestilah dinyatakan secara jelas dan nyata tentang pengetahuan, kemahiran dan sikap yang perlu dicapai oleh graduan.

02

Course Learning Outcomes (CLO) - Upon course completion

Hasil pembelajaran kursus (Course Learning Outcomes) atau CLO bagi setiap kursus perlu disemak semula dengan menghubungkaitkannya dengan PO. Pernyataan CLO perlu jelas dari aspek kognitif, afektif dan psikomotor yang perlu dicapai oleh para pelajar di akhir kursus.

01

Topic Learning Outcome (TLO) - Upon weekly/topic completion

Hasil pembelajaran topik perlu jelas mengikut topik atau tajuk yang diajar didalam kursus tersebut.